

# UMP sedia biasiswa

KUANTAN – Penuntut Universiti Pahang Malaysia (UMP) baharu yang berhasrat melanjutkan pengajian peringkat Diploma atau Ijazah Sarjana Muda mulai Sesi 2016/2017 berpeluang memohon biasiswa.

Naib Canselornya, Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, tawaran itu pertama kali diperkenalkan dan penuntut yang memenuhi kriteria ditetapkan layak memohon yuran pengajian semester ini.

Dalam pada itu, beliau mengingatkan penuntut agar ber-

tanggungjawab melunaskan wang pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) selepas mendapat pekerjaan.

“Saya perlu ingatkan perkara ini kerana kegagalan membayar akan menyulitkan generasi seterusnya,” katanya ketika menyampaikan amanat dalam Majlis Amanat Naib Canselor UMP dan Lafaz Ikrar Mahasiswa sempena Minggu Induksi Pelajar baharu (Minds) di Kompleks Sukan UMP, di sini.



Dr Daing (tengah) bersama penuntut baharu selepas berakhirnya Majlis Amanat Naib Canselor UMP dan Lafaz Ikrar Mahasiswa di Kompleks Sukan UMP.